

Tambah peluang anak peneroka belajar: Rais

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Ahad — Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim, mencadangkan supaya proses memberi didikan pelajaran kepada anak-anak peneroka di seluruh negara disusun semulajelas dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan mutu kehidupan masyarakat.

Bellau berkata, Kementerian Pelajaran dan Felda menerusi Biro Pelajarannya dan Jawatankuasa Kemajuan Rancangan RAKR harus berganding bahu untuk memberi peluang yang le-

bih luas kepada anak-anak peneroka belajar di sekolah-sekolah ternama di bandar-bandar besar.

Kini kira-kira 133,000 anak peneroka sedang menuntut di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara termasuk 695 pelajar yang diberi kemudahan tinggal di asrama-asrama Felda.

Asrama

Datuk Rais menambah, kemudahan-kemudahan sosial dan pelajaran perlu disediakan di peringkat awal termasuk peneroka di sesuatu rancangan tanah bagi menjamin kesesuaian dan kemu-

dahan anak-anak mereka bersekolah.

Bellau berkata demikian di majlis penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar dari kalangan anak peneroka di Asrama Felda di Ulu Kelang dekat sini petang ini.

Katanya, pihak pentadbir Felda juga perlu menyusun satu rancangan kemahiran di tempat masing-masing bagi mewujudkan generasi muda peneroka yang terlatih di bidang teknikal dan vokasional.

Kata Datuk Rais, \$251,308 bantuan pelajaran tinggi telah dikeluarkan kepada lebih kurang 78 penuntut di kalangan anak-anak peneroka yang berjaya melanjutkan

kecilan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi.

Menurutnya, bellau juga telah diberitahu bahawa sebagai sokongan kepada sumbangan-sumbangan kewangan itu, kursus-kursus kesedaran dan kerjaya juga dijalankan di peringkat-pekan di peringkat pusat, wilayah dan rancangan bagi pelajar-pelajar dalam kelas-kelas SRP dan SPM.

Tegas Menteri itu, menghasilkan dan meningkatkan prestasi pelajaran anak-anak peneroka tidak seharusnya terletak di atas jentera Kerajaan dan pentadbiran Felda semata-mata.

"Tugas dan tanggungjawab ini memerlukan pengembalian tenaga, bimbingan dan usaha bersama dari semua lapisan masyarakat peneroka," jelas Datuk Rais.

Bellau juga rasa gembira kerana ada 45 orang pelajar asrama itu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Kanada.